

07 MAR 1997

Mandela-Mahathir

MANDELA ADAKAN PERBINCANGAN DENGAN MAHATHIR BAGI TINGKATKAN HUBUNGAN

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Presiden Afrika Selatan Nelson Mandela hari ini mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri.

Perbincangan mereka memberi tumpuan kepada mengukuhkan kerjasama ekonomi di antara kedua-dua negara, menurut para pegawai di sini.

Perdagangan di antara Malaysia dan Afrika Selatan berjumlah RM883 juta pada 1995 dengan eksport Afrika Selatan ke Malaysia hampir RM388 juta.

Mandela juga dijangka berbincang dengan Perdana Menteri cadangan pembentukan kerjasama ekonomi serantau lingkaran Lautan Hindi yang terdiri daripada 14 negara termasuk Malaysia, menurut para pegawai itu.

Kedua-dua pemimpin kemudian akan menghadiri mesyuarat delegasi Malaysia-Afrika Selatan sebelum menyaksikan penandatanganan perjanjian di antara sektor swasta kedua-dua negara.

Mandela tiba di sini semalam untuk memulakan lawatan lima hari ke Malaysia, negara terakhir yang dikunjunginya dalam jangka lawatan 10 hari ke empat negara Asean. Beliau telah melawat Filipina, Brunei dan Singapura.

Pemimpin berusia 78 tahun itu diiringi 115 anggota rombongan, termasuk menteri, pegawai kanan dan ahli perniagaan.

Ini merupakan lawatan pertama Mandela ke Malaysia sejak menjadi ketua negara republik itu pada 1994.

Mandela kemudian dijadualkan melawat kilang kereta Proton di Shah Alam dan menghadiri taklimat di Unit Perancang Ekonomi.

Beliau juga akan menyampaikan ceramah mengenai "Afrika Selatan dan Malaysia: Satu Wawasan Bersama Ke arah Abad 21" anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar di Istana Hotel di sini. -- BERNAMA

ES RON